



08 OCT, 2021

Mystart-Up sasar lahir 5 syarikat teknologi



Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Mystart-Up sasar lahir 5 syarikat teknologi

PUTRAJAYA — Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi berhasrat melahirkan lebih banyak syarikat berasaskan teknologi demi memperkasa sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE) sebagai bidang berpotensi luas di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, kementerian dengan kerjasama pelbagai agensi turut membangunkan peta laluan sektor strategik iaitu Peta MyStart-Up dengan sasaran melahirkan lima syarikat teknologi tempatan dalam tempoh lima tahun.

Menurutnya, ia melibatkan kerjasama awam-swasta meliputi pelbagai kementerian selain syarikat berkaitan kerajaan

(GLC) dan syarikat tempatan besar (LLC) bagi pembangunan bidang berpotensi tinggi seperti robotik, teknologi nano dan ekonomi hidrogen.

Ini termasuk usaha pembangunan vaksin bagi memposisikan negara sebagai rujukan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan, inovasi dan ekonomi.

"GLC dan LLC wajar bersama terlibat menyokong firma pemula yang berteraskan perusahaan teknologi," katanya ketika merasmikan Laporan Tinjauan Sains 2020 terbitan Akademi Sains Malaysia (ASM) secara maya, dengan tema 'Membuka Kunci Masa Depan' semalam.



MALAYSIA menasarkan untuk menjadi negara pengeluar vaksin manusia dalam tempoh 10 tahun. — GAMBAR HIASAN



08 OCT, 2021

Mystart-Up sasar lahir 5 syarikat teknologi

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

PUTRAJAYA - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi berhasrat melahirkan lebih banyak syarikat berdasarkan teknologi demi memperkasa sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE) sebagai bidang berpotensi luas di negara ini. Menterinya, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, kementerian dengan kerjasama pelbagai agensi turut membangunkan peta laluan sektor strategik iaitu Peta MyStart-Up dengan sasaran melahirkan lima syarikat teknologi tempatan dalam tempoh lima tahun.